

0105

R 8831 DES

MOHAMED - MAHATHIR

PULAU PINANG, 26 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENDEKSAR NASIHAT SUPAYA MENDAPATKAN RAWATAN DI LUAR NEGARI, SEBALIKNYA MAHU DIRAWAT OLEH PAKAR TEMPATAN, KATA MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED BAHMAT DI SINI HARI INI.

KATANYA, PERDANA MENTERI BERULANG KALI DINASIHATI SUPAYA PERSI MENDAPATKAN RAWATAN PAKAR TERBAIK DI PUSAT RAWATAN TERKEMUKA DI LUAR NEGARI TETAPI →WALAU APAPUN NASIHAT YANG DIBERIKAN BELIAU TETAP INSIN BERSAMA RAKYAT.→

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PENERANGAN AMJURAN UMNO BAYAN BARU DI SINI, DATUK MOHAMED BERKATA PERDANA MENTERI SENTIASA MENJAWAB YANG BELIAU YAKIN DENGAN KEMAMPUAN PAKAR DOKTOR TEMPATAN DAN HOSPITAL DALAM NEGARI.

→DATUK SERI DR MAHATHIR FAHAM BAHAWA MASALAH KESIHATANNYA PENTING DAN FAHAM KEPIMPINANNYA DIPERLUKAM TETAPI KERANA CINTAKAN NEGARA, KEPERCAYAAN YANG AMAT TINGGI KEPADA PESAMAI-PESAMAI DAN KEMAMPUAN HOSPITAL DALAM NEGARI, BELIAU TELAH MENSENEFIKAN NASIHAT ITU SEBALIKNYA MEMILIH UNTUK DIRAWAT DALAM NEGARI.→ KATANYA,

MENTERI PENERANGAN BERKATA KEPERCAYAAN PERDANA MENTERI ITU TERBUKTI KERANA PEMBEDAHAN YANG DIJALANKAN KE ATASNYA TELAH BERJAYA DAN KEADAANNYA KINI STABIL. BELIAU HANYA PERLU BEREHAT DI HOSPITAL KIRA-KIRA 10 HARI LAGI.

-- LAGI.

2336MST 26 01 89

0106

R 8832 DES

MOHAMED - MAHATHIR 2 PULAU PINANG

→KITA BERHARAP DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN BESERA BERSUH UNTUK MENERUSKAN TANGSUNGJAMABNYA KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.→ KATA BELIAU.

KATANYA, SIKAP PERDANA MENTERI ITU MENUNJUKKAN BAHAWA BELIAU BENAR-BENAR SAYANGKAN NEGARA, PERCAYA KEPADA PENGIKUT-PENGIKUTNYA DAN ORANG-ORANG YANG BEKERJA DENGANNYA.

→SIKAP DAN PENDIRIANNYA ITU SUKAR DITANDINGI OLEH ORANG LAIN.→

DATUK MOHAMED BERKATA UMUM MENSETAHUI BAHAWA PERDANA MENTERI MEMANG KUAT BEKERJA KERANA BELIAU MAHU BANGSA DAN NEGARA INI MAJU. KERANA ITU BELIAU MASUK BEKERJA SEBELUM 8 PASI DAN HANYA PULANG MENJELANG MASHRIB.

→PERDANA MENTERI TIDAK PERNAH MEMIKIRKAN TENTANG KESIHATANNYA KERANA BELIAU MAHU BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH AGAR RAKYAT DAN NEGARA MAJU. INI TELADAN YANG SEPATUTNYA DICONTOHI OLEH SETIAP RAKYAT NEGARA INI.→ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIMASUKKAN KE HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR PADA 18 JAN DAN MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI DUA HARI LEPAS. -- BERNAMA.

2336MST 26 01 89